

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2014 (RABU)

SOALAN :

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan :-**

- (a) apakah usaha pihak kerajaan untuk meningkatkan kesedaran masalah kanak-kanak Autisme di kalangan ibu bapa di luar bandar; dan
- (b) apakah langkah yang diambil untuk memperluaskan khidmat dan bantuan kepada keluarga yang mempunyai kanak-kanak Austime.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- a. Kanak-kanak Autisme didaftarkan sebagai orang kurang upaya (OKU) di bawah kategori masalah pembelajaran oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengikut Seksyen 21 Akta Orang Kurang Upaya 2008. JKM telah menggunakan beberapa kaedah untuk meningkatkan kesedaran tentang masalah kanak-kanak autisme di kalangan ibu bapa termasuk di kawasan luar bandar menerusi program-program *outreach* seperti berikut:
 - i. penerangan semasa Kempen Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU);
 - ii. khidmat nasihat di 108 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah;
 - iii. rujukan kes kepada pakar pegawai perubatan di daerah atau klinik kesihatan;
 - iv. penerangan oleh pihak pertubuhan sukarela kebajikan yang berdaftar di bawah JKM; dan
 - v. penerangan berkaitan jenis-jenis perkhidmatan kepada OKU menerusi laman web JKM (www.jkm.gov.my).

Selain KPWK, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan juga menyalurkan pelbagai bantuan dan penerangan kepada ibu bapa kanak-kanak autisme.

Tuan Yang Dipertua,

- b. Bagi keluarga yang mempunyai anak OKU termasuk autisme, JKM telah menyalurkan pelbagai perkhidmatan pemulihan menerusi Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Untuk makluman, PDK merupakan salah satu program pemulihan dan intervensi awal yang melibatkan pembabitian secara aktif ibu bapa / penjaga ahli keluarga golongan OKU dan komuniti setempat untuk membantu OKU hidup berdikari dan diintegrasikan ke dalam masyarakat. Hingga tahun 2014, terdapat sebanyak 508 buah PDK di seluruh negara.

Selain itu, satu lagi program langkah intervensi awal oleh KPWK adalah penubuhan TASKA OKU pada tahun 2013 dan salah sebuah daripada TASKA OKU tersebut dikhususkan kepada kanak-kanak autisme. Dalam hal ini, KPWK telah bekerjasama dengan Persatuan Autisme SibU untuk membuka TASKA Autisme

di Sibu, Sarawak dengan peruntukan awal kerajaan sebanyak RM500,000.

Selain agensi kerajaan, pertubuhan sukarela kebajikan juga menyediakan program intervensi awal kepada kanak-kanak autisme termasuk ahli keluarga. Sebagai contoh, Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM) membantu individu autistik ke arah kehidupan yang lebih berdikari dan bermakna. Pada masa ini, terdapat 19 buah pusat NASOM di seluruh negara yang mana 16 buah pusat tersebut menyediakan program pendidikan awal manakala bakinya (3 buah pusat) menyediakan latihan vokasional kepada individu autistik. Dalam hal ini, pihak Kerajaan telah memperuntukkan geran sebanyak RM656,880 kepada NASOM pada tahun 2013.

Tuan Yang Dipertua,

Sukacita dimaklumkan bahawa sebuah pusat pembelajaran awal kepada kanak-kanak autisme iaitu Pusat Permata Kurnia di bawah Permata Negara akan dibuka di Sentul, Kuala Lumpur bagi memenuhi keperluan kanak-kanak autisme dan keluarga mereka. Pembinaan pusat ini telah bermula pada bulan Ogos 2013 dan

dijangka siap pada bulan Februari 2015. Pusat ini akan menyediakan program intervensi awal secara komprehensif. Inisiatif ini akan mengurangkan beban keluarga yang mempunyai anak autisme.

Pusat Permata Kurnia yang dibiayai oleh kerajaan persekutuan akan menawarkan tiga jenis perkhidmatan termasuk program intervensi sepenuh masa untuk 100 hingga 150 orang kanak-kanak yang berusia antara 4 hingga 6 tahun. Perkhidmatan intervensi sokongan keluarga untuk mempelajari teknik intervensi yang boleh diaplikasi di rumah juga akan disediakan oleh pusat ini selain program latihan kepada pendidik, ahli terapi, ibu bapa dan orang ramai yang merangkumi pelbagai aspek autisme.